

TEKS UCAPAN

YB DATO' SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL

MENTERI

**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM
NEGERI &**

HAL EHWAL PENGGUNA

**KONVOI KESEDARAN PENGGUNA SEMPENA
HARI KEMERDEKAAN 2018**

1 SEPTEMBER 2018 (SABTU)

**PANGSAPURI AMPANG JAJAR,
PERMATANG PAUH, PULAU PINANG**

BISMILAH...

TERIMA KASIH PENGACARA MAJLIS,

ASSALAMUALAIKUM W.B.T DAN SALAM SEJAHTERA

ALHAMDULILLAH, TERLEBIH DAHULU SAYA MENGUCAPKAN SETINGGI-TINGGI PUJIAN DAN KESYUKURAN KE HADRAT ALLAH SWT, KERANA DENGAN LIMPAH KURNIA, RAHMAT SERTA HIDAYAH-NYA, KITA SEMUA DAPAT BERKUMPUL, BAGI BERSAMA-SAMA MENYERTAI PROGRAM KONVOI KESEDARAN PENGGUNA SEMPENA HARI KEMERDEKAAN KE-61.

SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH KEPADA DATO' TAN KIAN POO, EN. PETER LIM ENG NAM DAN EN. BEH BOON WENG DI ATAS USAHA UNTUK MENGANJURKAN KONVOI KESEDARAN PENGGUNA SEMPENA HARI KEMERDEKAAN BAGI MENYEMARAKKAN LAGI SAMBUTAN ULANG TAHUN KEMERDEKAAN MALAYSIA KALI KE-61.

SAYANGI MALAYSIAKU, BEGITULAH TEMA HARI KEBANGSAAN KITA PADA TAHUN INI. SAYA PERCAYA PEMILIHAN TEMA INI ADALAH SANGAT SESUAI KERANA IA MELAMBANGKAN KESETIAAN DAN KASIH SAYANG RAKYAT TERHADAP TANAH TUMPAHNYA DARAH KITA.

PERPADUAN ADALAH SUATU PERKARA YANG AMAT BERTAMBAH NILAI YANG PERLU DIPUPUK DAN DIPELIHARA KERANA TANPA PERPADUAN, IANYA ADALAH MUSTAHIL UNTUK SESEBUAH NEGARA ITU TERUS MAJU. BAK KATA PEPATAH “BERSATU KITA TEGUH, BERCEAI KITA ROBOH”.

SEIRING DENGAN ITU, SAYA AMAT GEMBIRA PADA HARI INI KERANA DAPAT MELIHAT SEMANGAT PATRIOTISME DAN PERPADUAN DI SINI, DI MANA PARA PESERTA SEKALIAN AKAN TURUT SERTA DALAM MENJAYAKAN PROGRAM KONVOI INI TANPA MENGIKHLAKKAN KAUM DAN BANGSA. INILAH MALAYSIA YANG KITA INGIN BINA DAN PUPUK UNTUK GENERASI YANG AKAN DATANG.

SAYA INGIN MENYENTUH SEDIKIT TENTANG HAK – HAK PENGGUNA. UNTUK PENGETAHUAN SEMUA, TERDAPAT LAPAN HAK PENGGUNA YANG TELAH DITERIMA SECARA UNIVERSAL IAITU; HAK MENDAPAT KEPERLUAN ASAS, HAK MENDAPAT KESELAMATAN, HAK MENDAPAT MAKLUMAT, HAK MEMBUAT PILIHAN, HAK BERSUARA, HAK MENDAPAT GANTIRUGI, HAK MENDAPAT PENDIDIKAN PENGGUNA DAN HAK MENDAPAT ALAM SEKITAR YANG SIHAT DAN SELAMAT.

SEBAGAI PENGGUNA, KITA MEMPUNYAI HAK MUTLAK YANG PERLU DIPERTAHANKAN. PENGGUNA PERLU MEMAINKAN PERANAN UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT YANG SAH, NILAI YANG BAIK, KUALITI DAN LAIN-LAIN BAGI SESUATU BARANGAN

ATAU PERKHIDMATAN SUPAYA TIDAK MENJADI MANGSA PENIPUAN.

LEBIH-LEBIH LAGI DENGAN ADANYA MEDIA SOSIAL YANG TIDAK DIKAWAL SELIA SECARA MENYELURUH. OLEH YANG DEMIKIAN, IANYA PENTING UNTUK SETIAP PENGGUNA TAHU DAN MEMAHAMI LAPAN HAK PENGGUNA INI DEMI KEPENTINGAN DIRI.

PADA HARI INI AKAN MELALUI PELBAGAI JALAN UTAMA YANG MELIPUTI TIGA BUAH DAERAH DI PULAU PINANG IAITU SEBERANG PERAI TENGAH, BARAT DAYA DAN TIMUR LAUT . PESERTA KONVOI JUGA AKAN BERHENTI DI BEBERAPA BUAH CHECK POINT BAGI MENGEDARKAN RISALAH BERKAITAN DENGAN PENDIDIKAN PENGGUNA. INI MERUPAKAN SALAH SATU JALINAN KERJASAMA YANG BAIK DI ANTARA KPDNHEP DAN PENGGUNA SENDIRI DALAM MEMBERI KESEDARAN PENDIDIKAN PENGGUNA.

SAYA BERHARAP DENGAN ADANYA PROGRAM SEBEGINI, IANYA MEMBUKA PELUANG UNTUK KITA MENGENALI PERANAN SESEBUAH KEMENTERIAN DI SAMPING MEMBUKA RUANG UNTUK MENGENALI RAKYAT DAN MENYEMAI SEMANGAT PATROTISMA.

AKHIR SEKALI, SAYA MERAKAMKAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA PIHAK

**YANG TELAH BEKERJASAMA DALAM MENJAYAKAN PROGRAM
INI.**

**DENGAN LAFAZ BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM, SAYA
MERASMIKAN PROGRAM KONVOI KESEDARAN PENGGUNA
SEMPENA HARI KEMERDEKAAN 2018.**